

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

Log Out While You Still Can

NORAZLIN ABD AZIZ & NOR SYAMALIAH NGAH

Teknologi internet yang menjadi budaya hidup masa kini telah terbukti mampu untuk memberikan banyak kemudahan kepada masyarakat tanpa mengira aspek, bidang dan sektor. Dalam bidang pendidikan, signifikan penggunaan teknologi internet amat berkesan dan mampu untuk membantu pelajar dalam pelbagai aspek, terutamanya dalam perkongsian ilmu. Namun begitu sikap pelajar dan remaja yang terlalu asyik dan leka dengan gajet telefon pintar masing-masing dalam penggunaan teknologi internet ini boleh menyumbang kepada kesan negatif kepada tumpuan mereka terhadap sesuatu yang lebih penting dalam hidup mereka iaitu pelajaran. antara kesan sampingan yang dialami oleh pelajar disebabkan pendedahan yang terlalu luas kepada kemudahan internet adalah pelajar kurang memberi tumpuan atau fokus kepada pelajaran dan juga pelajaran mereka terganggu disebabkan tidak mempunyai banyak masa untuk melakukan aktiviti ulangkaji.

Ketagihan gajet adalah rasa terdesak untuk menggunakan telefon atau mana-mana gajet lain apabila bosan atau pada masa lapang. Ia boleh menjejaskan semua kumpulan umur dan kaum. Kesan daripada mental, fizikal dan emosi daripada ketagihan gajet boleh mengancam generasi kita pada masa hadapan. Ketagihan gajet merupakan salah satu isu serius yang berlaku dalam kalangan belia masa kini terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Justeru itu, bagi memberi kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan internet, satu program motivasi iaitu Log Out While You Still Can telah dijalankan oleh pelajar semester 5 Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), UiTM Seremban pada 19 Jun 2023 di SMK Bandar Baru Sri Sendayan.

Program ini selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang keempat iaitu kualiti pendidikan yang memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Setiap pelajar di dunia ini berhak untuk memiliki pendidikan yang berkualiti untuk memastikan prestasi pembelajaran mereka berada dalam keadaan yang baik. Oleh hal yang demikian, program ini bersesuaian dengan matlamat SDGs yang memfokuskan kepada kualiti pendidikan pelajar. "Log Out While You Still Can" merupakan program yang akan membantu mencegah ketagihan gajet dalam kalangan remaja terutamanya di kalangan pelajar sekolah menengah yang boleh menjejaskan prestasi pendidikan mereka. Program ini akan menyebarkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah menengah dalam menggunakan gajet.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana meminimumkan penggunaan gajet dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, program ini juga berhasrat untuk memupuk interaksi digital secara sihat dalam kalangan pelajar bagi mengelakkan penyalahgunaan gajet dan internet. Di samping itu, program ini turut memberi pengetahuan kepada pelajar untuk mengelakkan aktiviti jenayah siber pada masa hadapan dan menggunakan gajet dengan cara berhemah. Kesedaran dalam kalangan pelajar adalah penting bagi memastikan generasi akan datang celik gajet dan mengelakkan cyber bully.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang program seperti ceramah iaitu Gadget Addiction Awareness Talk yang diselenggarakan oleh kaunselor daripada SMK Bandar Baru Sri Sendayan, iaitu Tuan Haji Aminuddin bin Hamat Hambali dan wakil pelajar FSPPP, iaitu saudara Amirizal Bin Mohammad Afendi. Selain itu, aktiviti lain adalah beberapa permainan santai dengan pelajar sekolah tersebut yang terdiri daripada pelajar tingkatan 1 dan 2. Sesi pembentangan video mengenai ketagihan gajet terhadap pelajar turut dipertontonkan kepada pelajar sebagai acara penutup program.

Program ini melibatkan sejumlah 15 pelajar FSPPP yang diiringi oleh seorang pensyarah. Puan Norazlin Abd Aziz yang juga merupakan penasihat bagi program ini. Pada penghujung program, peserta program telah memberikan maklum balas yang positif tentang kesedaran terhadap bahaya penyalahgunaan internet dan pihak sekolah juga menggalakkan aktiviti berbentuk ilmiah seperti ini dijalankan lagi pada masa akan datang.

